

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KUALITI
GURU PENDIDIKAN ISLAM
SEKOLAH KEBANGSAAN
DI SELANGOR**

RAZILA BINTI KASMIN

Tesis yang dikemukakan
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Sarjana

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2019

ABSTRAK

Peranan guru berkualiti sememangnya telah terbukti dan memberi impak yang besar terhadap kemenjadian murid. Guru berkualiti adalah individu yang mampu menguasai dan merealisasikan segala bentuk kemahiran dan pengetahuan. Guru Pendidikan Islam perlu bersikap terbuka, proaktif, produktif dan menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemangkin ke arah penghasilan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kualiti guru Pendidikan Islam melalui aspek penguasaan ilmu, kaedah pengajaran, personaliti diri, motivasi dan persekitaran guru. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui instrumen soal selidik. Seramai 714 orang guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan di Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Setiap data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Data deskriptif kajian telah dianalisis dengan menggunakan peratus dan min, manakala data inferensi dianalisis menggunakan Ujian-t Test, ANOVA sehala dan korelasi. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan kualiti guru Pendidikan Islam berada pada tahap yang sangat tinggi (min 4.282, SD 0.347). Analisis inferensi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek demografi umur guru yang lebih 45 tahun dengan tahap kualiti guru Pendidikan Islam $F=(3,6.18)$, $\text{sig}=0.000$, ($p<0.005$). (min=4.42). Hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan sederhana bagi faktor-faktor kualiti guru Pendidikan Islam. Sehubungan itu, kajian ini menjadi salah satu indikator dalam mewujudkan kualiti guru yang mampan dan jitu khususnya dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan kebesaran rahmat, keluasan kasih sayang dan keizinan-nya, saya dapat menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, saya rakamkan buat Pn. Mashitah binti Abu Hasan, selaku penyelia saya dan Ketua Pusat Pengajian Pasca (KPP) Yang berbahagia: Prof. Madya Dr. Mohd Dani bin Mohamad yang telah banyak membantu, memberi pandangan, nasihat, galakan, bimbingan dan motivasi dari peringkat awal hingga sempurnanya penulisan kajian ini.

Teristimewa ucapan penghargaan buat suami yang sangat memahami, Mohamed Faizul bin Mat Som, serta anak-anak pewaris kebaikan ibu dan ayah, Auni Zabirah, Aufa Nabilah, Amsyar Hakimi, Aura Batrisyia dan Bazla Humaira. Moga kalian dapat mengambil ibrah dan inspirasi dalam perjuangan menuntut ilmu. Moga kalian sentiasa taat kepada perintah Allah dan Rasul. Buat bonda tersayang [REDACTED] terima kasih atas titipan doa dan kasih sayang mu, moga Allah memberi ketenangan buat mu, jua buat Allahyarham Hj. Kasmin bin Sarbini, moga Allah tempatkan abah dalam kalangan mereka yang beriman, terima kasih juga buat ibu dan bapa mertuaku Hj. Mat Som bin Samormin dan Hj. Tuminah binti Mahmod yang sentiasa bersedia membantu anak-anakku.

Ucapan penghargaan khas buat Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Tajaan Pendidikan kerana memberi peluang kepada saya menyambung pengajian dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Buat sahabat-sahabat Jurulatih Dakwah JPS, Pegawai-pegawai di SPI JPS dan Jurulatih Dakwah PPD Klang.

Semoga penulisan ini dapat menjadi panduan dan memberi manfaat yang baik. Moga Allah berkati usaha ini dan memberi manfaat kepada pembaca. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	Halaman
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Skop dan Batasan Kajian	11
1.7.1 Lokasi Kajian	11
1.7.2 Batasan Tajuk dan Pemboleh Ubah	12
1.7.3 Batasan Sampel	12
1.7.4 Batasan Kajian dan Dapatan	12
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.8.1 Kepentingan kepada Guru Pendidikan Islam	13
1.8.2 Kepentingan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPNS)	13
1.8.3 Kepentingan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	13
1.9 Kerangka Konseptual	14
1.9.1 Contoh-contoh Model Guru Cemerlang dan Model Guru Berkesan	15

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan secara ringkas latar belakang kajian tentang kualiti guru Pendidikan Islam sekolah kebangsaan di Selangor dan diikuti dengan perbincangan lanjut tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual, batasan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, daftar istilah dan yang berkenaan dengan tajuk kajian.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, pada Mei 2013. PPPM dirangka untuk meningkatkan kualiti modal insan dengan meletakkan sistem pendidikan pada tahap yang lebih tinggi serta lebih efektif dan efisien (Muhyiddin Yassin, 2013). Sehubungan itu, semua pihak perlu berusaha memastikan kecemerlangan pengurusan kepimpinan terhadap guru dilaksanakan secara berterusan supaya kecemerlangan sesebuah sekolah dapat dipertingkatkan dengan adanya modal insan yang berjaya. Kejayaan modal insan itu pastinya bermula di peringkat sekolah (Muhyiddin, 2013, Fullan, 2011, Najib Razak, 2010, Parise & Spillane, 2010, Harris, 2005;) dalam (Man, Don, & Ismail, 2016)

Terdapat beberapa aspek penting yang ditekankan dalam mentransformasikan bidang keguruan sebagai satu profesion pilihan. Antara elemen yang dimasukkan dalam anjakan ini adalah: i) Mengetatkan syarat lantikan guru mulai 2013 dalam kalangan graduan 30 peratus teratas sahaja yang akan dipilih; ii) Meningkatkan kualiti CPD (*Continuing Professional Development*) mulai 2013, dengan lebih tumpuan ke atas keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah; iii) Memastikan guru memberi fokus ke atas fungsi teras pengajaran mulai 2013 dengan mengurangkan beban kerja pentadbiran; iv) Melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi mulai 2016; v) Meningkatkan peranan kepimpinan guru dan membuka ruang untuk menjadi tenaga pakar pengajaran dan pakar bidang khusus menjelang 2016 serta membudayakan kecemerlangan berasaskan pimpinan rakan sekerja dan proses pensijilan mulai 2025.